

DATE: 15/6/2010

BH PILIH 4A 15 (emel)

# Sekarang masa terbaik adakan PRU Ke-13: Dr M

<sup>BH-15/06/10</sup>  
Kadar penerimaan kepemimpinan PM meningkat 72 peratus

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin  
dan Baharom Bakar  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sekarang masa sesuai dan terbaik untuk mengadakan Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13, berdasarkan perkembangan positif dan kadar penerimaan rakyat terhadap kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, kaji selidik Merdeka Centre terhadap kadar penerimaan kepemimpinan Perdana Menteri yang meningkat kepada 72 peratus menunjukkan perkembangan baik dan sekarang masa tepat untuk mengadakan PRU.

"Alhamdulillah, beliau (Najib) sudah ada 72 peratus. Yang saya tahu, ketika saya menang sehingga dua pertiga kerusi, masa itu rating (kedudukan) saya hanya 60 peratus saja.. tapi menang.

"Jika 72 peratus, boleh menang lebih dua pertiga kerusi. Boleh buat sekarang lah ....," katanya pada sidang media selepas menjadi tetamu kehormat menyampaikan ucapan pada program Melayu Bangkit anjuran Gerakan Kebangkitan Rakyat (Gertak) di Stadium Negeri, di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Ahmad Said; Pengerusi Gertak, Razali Idris dan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Tengku



DR MAHATHIR menyampaikan ucapan pada program Melayu Bangkit anjuran Gerakan Kebangkitan Rakyat di Stadium Negeri, Kuala Terengganu, semalam.

Putera Awang. Perhimpunan itu disertai lebih 2,000 daripada orang awam, beliau dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pada majlis itu, sumbangan berjumlah RM121,258 disampaikan kepada Dr Mahathir selaku Penaung Perdana Global Peace Organisation (PGPO) untuk membantu rakyat Palestin di Gaza.

Kaji selidik Merdeka Centre, sebuah pusat penyelidikan tempatan mendapati, kadar penerimaan terhadap kepemimpinan Najib meningkat kepada 72 peratus berbanding 69 peratus pada April lalu,

dengan pecahan di kalangan kaum India (80 peratus) diikuti Melayu (77 peratus) dan Cina (58 peratus).

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Model Baru Ekonomi (MBE) yang diperkenalkan Najib bukan kesinambungan daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) dari segi konsepnya, tetapi perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dilihat mempunyai kesinambungan daripada DEB.

"MBE tidak (kesinambungan DEB), tetapi dasar RMKe-10 ada memberi kesinambungan

DEB... bukan seluruh, tetapi bahagian tertentu. Saya belum meneliti RMKe-10 ini, tetapi saya percaya, dengan adanya MBE, kepentingan orang Melayu dalam RMKe-10 sudah ada kenyataan, iaitu masalah orang Melayu akan diberi perhatian oleh kerajaan.

"DEB tidak cukup untuk selesaikan masalah Melayu... MBE ini menerima kritikan daripada orang Melayu, bukan daripada parti pemerintah, tetapi NGO Melayu. Saya percaya kritikan ini telah diambil kira dalam RMKe-10," katanya.